



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2021

PUTRAJAYA, 31 OGOS 2021 - Sambutan Hari Kebangsaan 2021 telah diadakan di Dataran Pahlawan Negara pada 31 Ogos 2021 (Selasa), pukul 8.00 pagi. Selaras dengan saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hari Kebangsaan pada tahun ini diadakan berkonsep sambutan secara terbuka (*outdoor*), terkawal dan berskala kecil serta penglibatan fizikal yang terhad tanpa melibatkan kehadiran orang awam di lokasi.

Seluruh rakyat Malaysia menyaksikan siaran langsung sambutan ini menerusi semua stesen penyiar tempatan pada 31 Ogos 2021 mulai pukul 8.00 hingga 8.50 pagi di saluran TV1 mulai pukul 7.30 pagi hingga 10.30 pagi. Selain itu, sambutan ini turut ditonton melalui Facebook Live @KementerianKomunikasidanMultimedia, @Merdeka360; dan @JabatanPeneranganMalaysia.

ATUR CARA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2021

Berikut adalah atur cara sambutan Hari Kebangsaan 2021 pada 31 Ogos 2021.

- | | | |
|-------------------|---|---|
| Sebelum 7.15 pagi | : | Ketibaan dif-dif jemputan |
| 7.45 pagi | : | Ketibaan YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr. Annuar Haji Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 |
| 7.50 pagi | : | Ketibaan YB Menteri-Menteri Kanan dan Jemaah Menteri |
| 8.00 pagi | : | Kehadiran YAB Perdana Menteri secara maya |

- Nyanyian Lagu Negaraku
- Bacaan Ikrar Rukun Negara (*Faces of Malaysia*) terdiri daripada guru dan petugas barisan hadapan
- Persembahan *Drumline* Angkatan Tentera Malaysia
- Persembahan Kawad Senyap Tentera Laut Diraja Malaysia
- Persembahan Pancaragam Gabungan Badan Beruniform
- Pertunjukan Udara

- 8.50 pagi : YAB Perdana Menteri meninggalkan majlis secara maya
- YB Menteri-Menteri Kanan dan Jemaah Menteri meninggalkan majlis
 - YB Menteri Komunikasi dan Multimedia meninggalkan majlis
 - Dif-dif jemputan meninggalkan majlis
 - Majlis bersurai

PERSEMBAHAN DI LAPANGAN

Sebanyak empat persembahan akan diadakan di Dataran Pahlawan Negara pada 31 Ogos 2021 ini iaitu tiga persembahan di lapangan dan satu pertunjukan udara.

a. Drumline Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diketuai oleh Mejar Staf Sarjan Madzain bin Medol;

Persembahan drumline oleh Angkatan Tentera Malaysia dengan kekuatan 60 anggota dari 3 cabang perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Pasukan dipimpin oleh Drum Major Staf Sarjan Madzain Bin Medol dan diselaraskan oleh Pusat Latihan Muzik, Kem Sungai Besi.

b. Kawad Senyap oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) diketuai oleh Laskar Kanan P.A.P Khairul Hisham Hirwan bin Salleh;

Persembahan Kawad Senyap oleh Pasukan Kawad Senyap, Tentera Laut Diraja Malaysia dari Markas Pengkalan Lumut, Perak. Diketuai oleh Laskar Kanan P.A.P Mohd. Helmi Bin Masuhudi dan terdiri daripada 60 anggota lengkap bersenjata M16-A1 beserta bayonet.

c. Pancaragam Gabungan Badan Beruniform diketuai Mejar Mohd Rizal bin Hj Mohd Nor. Persembahan ini terdiri daripada gabungan 8 agensi badan beruniform.

Gandingan mantap dari pelbagai skim perkhidmatan pasukan beruniform dikenali sebagai Pancaragam Gabungan Badan Beruniform terdiri daripada:

- i. Angkatan Tentera Malaysia merangkumi Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia;
- ii. Polis Diraja Malaysia;
- iii. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- iv. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia;
- v. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia; dan
- vi. Jabatan Sukarelawan Malaysia.

- d. Pertunjukan Udara oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

SEGMENT PERTUNJUKAN UDARA

BIL	JENIS PESAWAT PEJUANG	KETUA
1.	1x A400M & 2x C130 Hercules	Mej. Phanom A/L Achuan TUDM
2.	F/A 18D	Lt. Kol Khamizan Bin Morsidi TUDM
3.	3x SU 30 MKM 2x Hawk 1x F/A 18D	Lt. Kol Norazan Bin Othman TUDM
4.	2x SU 30 MKM	Mej Mohd Jamil Bin Awang TUDM
5.	1x F/A 18D	Mej MD Zailimi Bin Md Zin TUDM
6.	3x SU 30 MKM 2x Hawk 1x F/A 18D	Lt. Kol Norazan Bin Othman TUDM
7.	F/A 18D	Lt. Kol Khamizan Bin Morsidi TUDM

Segmen pertunjukan udara oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ini dibarisi pesawat-pesawat pejuang iaitu SUKHOI SU30MKM, F/A-18D HORNET dan BAE HAWK. Manakala, Pesawat Angkut pula terdiri daripada AIRBUS A400M dan C130 HERCULES. Segmen ini memaparkan kebolehan upaya dan kesiagaan TUDM hasil gabungan kemahiran dan kepakaran warga TUDM khas bagi Hari Kebangsaan tahun 2021.

LAGU TEMA HARI KEBANGSAAN

Dua buah lagu baharu yang menjadi tema Hari Kebangsaan 2021, berjudul 'Keluarga Malaysia' dan 'Menang Bersama' akan diperdengarkan kepada umum semasa Sambutan Hari Kebangsaan 2021 buat pertama kalinya pada 31 Ogos 2021.

Lagu 'Keluarga Malaysia' ini merupakan lirik ciptaan YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr. Annuar Haji Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia, yang dinyanyikan oleh barisan artis seperti Ara Johari, Masya Masyitah, Putra Muhammad dan Sufi Rashid.

lanya dicipta bertepatan dengan konsep bekerja bersama rakyat dan menghargai barisan hadapan menjurus kepada menang bersama sebagai Keluarga Malaysia sebagaimana yang diinspirasikan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Manakala, lagu tema Sambutan Hari Kebangsaan 2021 berjudul 'Menang Bersama' nyanyian Faizal Tahir juga adalah lagu tema sambutan Bulan Kebangsaan 2021. Ia merupakan hasil ciptaan YBhg. Dato Mokhzani Ismail, Pengarah muzik RTM manakala liriknya pula telah dihasilkan oleh Encik Syed Indera Syed Omar (SISO). Kedua-dua lagu ini bertemakan patriotisme dan akan menyuntik semangat kepada rakyat Malaysia yang masih berjuang dengan pandemik Covid-19

PENUTUP

Pelaksanaan sambutan Hari Kebangsaan 2021 pada tahun ini adalah mematuhi dan di bawah pemantauan yang ketat bagi semua prosedur operasi standard (SOP) melibatkan penjarakan fizikal, pergerakan, pemakaian pelitup muka dan sanitasi di lokasi. Gelembung khusus (safety bubble) diwujudkan bagi memastikan tiada percampuran berlaku yang membuka ruang kepada risiko yang tidak diingini. Semua petugas dan peserta persembahan diwajibkan lengkap dua dos vaksin dan menjalani ujian calitan (swab test).

Seluruh rakyat Malaysia juga diseru untuk terus mengibarkan Jalur Gemilang sehingga Hari Malaysia pada 16 September 2021 sebagai menyemarakkan semangat patriotisme.

**JAWATANKUASA MEDIA DAN PUBLISITI (JKMP)
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM) 2021
31 OGOS 2021**